

BAB I

BAB 1

LATARBELAKANG MASALAH

Pendahuluan

Pada permulaan bab ini, penulis akan membincangkan tentang latarbelakang masalah kajian. Perbahasan dimulakan dengan pengenalan ringkas mengenai Malaysia, perkembangan Islam serta bentuk-bentuk aliran kepercayaan yang terdapat di Malaysia. Rentetan daripada itu, fakta-fakta tentang Malaysia, beberapa teori mengenai kedatangan Islam serta contoh bagi setiap bentuk aliran kepercayaan akan dibincangkan sebagai satu bentuk landasan untuk kajian seterusnya.

A. Malaysia

1. Malaysia Hari Ini

Malaysia merupakan salah sebuah negara di Asia Tenggara yang sedang pesat membangun. Kepesatan ini seiring dengan matlamat kerajaan untuk menjadikan Malaysia negara perindustrian menjelang tahun 2020. Kedudukan Malaysia yang strategik, sebagaimana yang diketahui umum terkenal dengan jolokan nama "*The Land Where The Winds Meet*",¹ telah menarik minat para pelabur asing untuk melabur disamping keindahan semulajadi yang merupakan tarikan utama pelancong ke Malaysia.

¹ Wendy Moore, *Collins Illustrated Guide To Malaysia*, 1989, cet. 1, London; Collins, hlm. 10.

Malaysia yang mempunyai keluasan kira-kira 329,758 km persegi,² terdiri daripada Semenanjung Malaysia serta kawasan pantai barat daya Pulau Borneo iaitu Sabah dan Sarawak. Semenanjung Malaysia, meliputi kawasan seluas 131,598 km persegi bersempadan dengan Thailand di utara dan Singapura di selatan.³ Sementara Sabah dan Sarawak masing-masing mempunyai keluasan 73,711 km persegi dan 124,449 km persegi bersempadan dengan wilayah Kalimantan, Indonesia.⁴

Kedudukan Malaysia berhampiran dengan Khatulistiwa antara garisan lintang 1° dan 7° Utara dan garis bujur 100° dan 119° Timur. Iklim di sini terbahagi kepada 2 musim, iaitu musim monsun barat daya dan musim monsun timur laut. Purata suhu harian di seluruh Malaysia ialah antara 21°C hingga 32 °C.⁵

Malaysia terdiri daripada 13 buah negeri dan 2 wilayah persekutuan. Negeri-negeri tersebut ialah Perlis, Pulau Pinang, Kedah, Perak, Selangor, Negeri Sembilan, Melaka, Johor, Pahang, Terengganu, Kelantan, Sabah dan Sarawak. Manakala 2 buah wilayah persekutuan pula

² Kementerian Kewangan Malaysia, *Laporan Ekonomi 94/95*, 1994, t.c., Kuala Lumpur; Jabatan Percetakan Negara, hlm. 7.

³ Jabatan Penerangan, *Malaysia 94: Buku Rasmi Tahunan*, 1994, Jil. 25, Kuala Lumpur; Kementerian Penerangan Malaysia, hlm. 1.

⁴ *Ibid.*

⁵ Philip W. Goetz (ed.) *The New Encyclopaedia Britannica*, 1985, cet. 15, vol. 7, Chicago; Encyclopaedia Britannica Inc., hlm. 729.

ialah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Wilayah Persekutuan Labuan di Sabah.

Malaysia mengamalkan Sistem Demokrasi Berparlimen dan mempunyai seorang Raja Berperlembagaan iaitu Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong sebagai Ketua Negara.⁶ Manakala Perdana Menteri ialah ketua kerajaan dalam pentadbiran negara dan bertindak sebagai penasihat kepada Yang Dipertuan Agong dalam urusan pemerintahan. Sistem pemerintahan negara akan melalui perubahan setiap 4 hingga 5 tahun sekali berdasarkan pilihanraya yang dijalankan. Melalui pilihanraya, rakyat akan memilih orang-orang yang difikirkan layak untuk menyuarakan pandangan mereka.⁷

Penduduk Malaysia terdiri dari pelbagai kaum dan ini merupakan salah satu dari keunikan Malaysia di mata dunia. Golongan terbesar rakyat Malaysia ialah Melayu diikuti oleh Cina dan keturunan India. Kaum minoriti yang lain ialah kaum Bumiputera di Sabah dan Sarawak disamping kaum orang asli di Semenanjung Malaysia, Eropah dan Serani. Anggaran penduduk pada pertengahan tahun 1999 ialah 22.7 juta orang⁸

⁶ Mohamad Idris Saleh (et.al.), *Sejarah Pembangun Bangsa Dan Negara*, 1994, cet. 1, Kuala Lumpur; Utusan Publications and Distributors, hlm. 209.

⁷ Lim Kim Hui (et.al.), *Mengenal Malaysia Dari Perspektif Kenegaraan*, 1988, t.c., Kuala Lumpur; Kumpulan Spektrum, hlm. 56.

⁸ Jabatan Perangkaan Malaysia, *Buku Maklumat Perangkaan Malaysia 1999*, 1999, t.c., t.k.; Jabatan Perangkaan Malaysia, hlm. 3.

meningkat sebanyak 2.2% berbanding bancian 1998 iaitu seramai 22.2 juta orang.⁹

Rentetan daripada wujudnya berbilang bangsa, muncul pelbagai anutan dan agama di Malaysia. Antaranya Islam, Budha, Hindu, Kristian dan sebagainya. Namun begitu, di bawah Perlembagaan Persekutuan, Islam merupakan agama rasmi Malaysia, sementara agama-agama lain boleh diamalkan dengan aman dan bebas.¹⁰

Disebalik kepelbagaian keturunan, kebudayaan, sistem kepercayaan dan bahasa percakapan, wujud perpaduan serta muhibbah dikalangan penduduk Malaysia. Perpaduan dan muhibbah tersebut dibentuk berdasarkan kebudayaan kebangsaan yang mencerminkan identiti semua kaum di negara ini.

2. Malaysia Sebelum Merdeka

Sebelum mencapai kemerdekaan, Malaysia yang dikenali sebagai Tanah Melayu berada di bawah jajahan takluk Eropah dan Jepun. Era penjajahan bermula selepas penaklukan kerajaan Melaka oleh Portugal pada tahun 1511 dan seterusnya diikuti oleh Belanda pada tahun 1641. Kesan daripada penjajahan tersebut bukan sahaja membawa perubahan

⁹ *Ibid.*

¹⁰ *Perlembagaan Persekutuan (Hingga 1^{hb} Januari 1999)*, Kuala Lumpur; International Law Book Services, hlm. 1.

dari segi pentadbiran, bahkan turut mengesani sistem sosial dan ekonomi rakyat tempatan.

British juga turut campurtangan dalam pentadbiran Tanah Melayu apabila termeterainya Perjanjian Pangkor dengan pembesar-pembesar Perak pada 20^{hb} Januari 1874.¹¹ Bagi mengukuhkan kuasa di Tanah Melayu, British telah mengambil langkah menyatukan negeri Perak, Selangor, Pahang dan Negeri Sembilan di bawah pentadbiran kerajaan pusat yang diketuai oleh seorang Residen Jeneral.¹² Gabungan negeri-negeri tersebut dikenali sebagai Negeri-Negeri Melayu Bersekutu. Manakala negeri-negeri yang pernah dinaungi oleh Siam seperti Kedah, Perlis, Kelantan, Terengganu dan Johor, disyaratkan untuk menerima seorang penasihat Inggeris dan dikenali sebagai Negeri-Negeri Melayu Tidak Bersekutu.¹³

Apabila perang dunia meletus, pihak British telah menyerahkan Tanah Melayu di bawah pentadbiran Jepun bermula dari tahun 1942 hingga 1945. British kembali menguasai Tanah Melayu selepas Jepun menyerah kalah dengan memperkenalkan sistem baru dalam pentadbiran iaitu *Malayan Union*. Namun begitu, atas desakan rakyat, *Malayan Union*

¹¹ Tan Ding Eing, *Portrait Of Malaysia and Singapore*, 1977, cet. 3, Kuala Lumpur; Oxford University Press, hlm. 125.

¹² Lim Kim Hui, (et.al.), *op.cit.*, hlm. 2.

¹³ *Ibid*, hlm. 3.

dibubarkan dan orang-orang Melayu bersatu menubuhkan Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (UMNO) pada 11^{hb} Mei 1946 di bawah pimpinan Dato' Onn bin Jaafar.¹⁴

Desakan-desakan untuk membebaskan diri dari belenggu penjajahan telah melahirkan beberapa parti politik yang lain seperti MCA (*Malayan Chinese Association*) dan MIC (*Malayan Indian Congress*). Ketiga-tiga parti politik yang mewakili 3 kaum terbesar kemudiannya disatukan di bawah Parti Perikatan, dipimpin oleh Tuanku Abdul Rahman. Penyatuan parti-parti komponen ini telah membawa hasil yang baik melalui pengisytiharan Tanah Melayu sebagai negara merdeka pada 31^{hb} Ogos 1957.¹⁵ Tuanku Abdul Rahman telah dilantik menjadi Perdana Menteri Persekutuan Tanah Melayu yang pertama.

Seterusnya pada 16^{hb} September 1963, selepas menghadapi berbagai halangan, sebuah negara baru yang berdaulat dan merdeka merangkumi Persekutuan Tanah Melayu, Sabah dan Sarawak telah ditubuhkan dan dikenali sebagai Malaysia.¹⁶

¹⁴ Zainol Abidin Kasim, *Sejarah*, 1987, cet. 1, Kuala Lumpur; Times Books International, hlm. 15.

¹⁵ Tan Ding Eing, *op.cit.*, hlm. 245.

¹⁶ Lim Kim Hui, (et.al.), *op.cit.*, hlm. 10.

Kesimpulannya, sebelum menjadi sebuah negara yang kukuh seperti sekarang, Malaysia telah melalui satu zaman penjajahan yang amat panjang. Keistimewaan kedudukan strategik Malaysia bukan sekadar membantu membangunkan negara dari segi perdagangan, bahkan mengundang penjajah yang turut membawa bersama kebudayaan serta cara hidup mereka dalam masyarakat Melayu. Unsur-unsur ini telah memberi saingan kepada perkembangan Islam di Malaysia.

B. Islam Di Malaysia

Bahagian ini akan membincangkan sejarah kedatangan Islam di Malaysia merangkumi teori dan tarikh kedadangannya. Seterusnya melihat perkembangan Islam bermula dari Kerajaan Melayu Melaka hingga kini.

1. Teori Dan Tarikh Kedatangan Islam Di Malaysia

Bagi membincangkan tajuk ini dengan lebih terperinci, penulis akan membahagikan perbincangan kepada dua bahagian. Pertama; membincangkan tarikh Islam mula bertapak di Malaysia. Kedua; membincangkan pendapat-pendapat tentang tempat asal dakwah Islamiah yang datang ke Malaysia.

a. Tarikh Kedatangan Islam

Sulit untuk menentukan dengan tepat waktu atau pertama kalinya Islam masuk dan bertapak di Malaysia. Ianya berkait rapat dengan tarikh

ketibaan saudagar Islam di Gugusan Pulau-pulau Melayu khasnya dan di Asia Tenggara amnya.

Para sejarawan terutamanya sejarawan Barat berpendapat bahawa Melaka merupakan negeri pertama di Tanah Melayu yang menerima Islam iaitu pada kurun ke 15M. Namun begitu, para pengkaji sejarah tempatan telah menjumpai kesan-kesan sejarah yang menunjukkan Islam sudah bertapak di Semenanjung Tanah Melayu sebelum dari abad ke 13M lagi. Diantaranya ialah penemuan batu nisan tertua di Tanjung Aris, Mukim Langgar, Alor Setar, Kedah pada tahun 1962 kepunyaan Syeikh Abdul Qadir Ibn Husin Shah Alam, bertarikh 290 Hijrah bersamaan 920M.¹⁷ Penemuan ini membuktikan bahawa negeri Kedah antara negeri yang terawal menerima Islam iaitu pada abad ke 10M.

Begitu juga dengan penemuan sekeping dinar emas pada tahun 1914M yang mengandungi tulisan Arab di muka pertama “*Al-Mutawakkil*” iaitu gelaran raja dan di muka kedua perkataan “*Al-Julus Kelantan 577*”, yang bermaksud “*Naik Singgahsana Kelantan pada tahun 577*”.¹⁸ Ini bererti pada abad ke 13M atau permulaan abad ke 14M telahpun terdiri sebuah kerajaan Islam Kelantan.

¹⁷ Abdullah Ishak, *Islam di India, Nusantara dan China*, 1992, cet. 1, Kuala Lumpur; Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri, hlm. 170.

¹⁸ Sa'ad Shukri Haji Muda, *Detik-detik Sejarah Kelantan*, 1971, t.c., Kota Bharu; Pustaka Aman Press, hlm. 28.

Penemuan batu bersurat di Kuala Berang, Terengganu pada tahun 1885 merupakan bukti sejarah Islam terpenting kerana ia telah menunjukkan bahawa Islam telah dipraktikkan disalah sebuah negeri di Tanah Melayu pada abad ke 14M.¹⁹ Batu bersurat tersebut bertulisan jawi, menerangkan secara ringkas hukum-hukum Islam, bertarikh 4^{hb} Rejab tahun 702 Hijrah. Menurut Syed Muhammad Naquib al-Attas, tarikh tersebut bersamaan tahun 1302M.²⁰ Manakala Harrison pula menganggarkan tarikhnya bersamaan tahun 1326M atau 1386M.²¹

Berdasarkan penemuan-penemuan sejarah oleh pengkaji sejarah tempatan, terbukti bahawa teori sejarawan Barat tentang kedatangan Islam Ke Malaysia pada kurun ke 15 adalah kurang tepat, bahkan lebih awal daripada itu sekitar abad ke 10M lagi atau selewat-lewatnya pada abad ke 13M. Dakwaan mereka lebih merujuk kepada kemasyhuran Melaka sebagai pusat penyebaran Islam berbanding dengan Kedah, Kelantan dan Terengganu.

¹⁹ Tan Sri Mubin Sheppard, *Tanah Melayu Yang Bersejarah*, 1982, cet. 1, Selangor; Easter Universities Press (M), hlm. 13.

²⁰ Al-Attas, Syed Muhammad Naquib, *Preliminary Statement On A General Theory Of The Islamization Of The Malay-Indonesian Archipelago*, 1969, cet. 1, Kuala Lumpur; Dewan Bahasa Dan Pustaka, hlm. 12. (Selepas ini Al-Attas).

²¹ Brian Harrison, *South-East Asia; A Short History*, 1967, cet. 3, London; Mac Millan, hlm. 54.

b. Teori-teori Kedatangan Islam

Para sejarawan bukan sahaja kontroversi mengenai tarikh ketibaan Islam di Nusantara, bahkan mereka tidak sependapat mengenai dari negara mana ia di bawa. Dalam konteks ini, para sejarawan mempunyai beberapa pendapat:

i. Islam Dibawa Dari Tanah Arab

Seperti yang sedia dimaklumi bahawa hubungan perdagangan antara Asia Barat dan Nusantara telah berlaku sebelum kelahiran Islam bersesuaian dengan kedudukan Nusantara sebagai kawasan lalulintas perdagangan yang terkenal sejak sebelum Masihi lagi. Aktiviti perdagangan tersebut berkekalan hingga ke zaman lahirnya Islam di Semenanjung Tanah Arab pada abad ke 7M. Pedagang-pedagang Arab yang datang ke rantau ini bukan sekadar menjalankan perniagaan bahkan turut menyebarkan ajaran Islam yang mereka anuti.

Teori kedatangan Islam dari Tanah Arab turut disokong oleh Thomas W. Arnold dalam bukunya "*The Preaching Of Islam*" dengan mengandaikan kemungkinan agama Islam telah dibawa sejak abad pertama hijrah berdasarkan perdagangan yang luas dengan dunia Timur oleh bangsa Arab.²²

²² Thomas Walker Arnold, *Sejarah Dakwah Islam*, 1975, (Terj.) : A. Nawawi Rambe, t.c., Jakarta; Widjaya, him. 317.

Walaupun mungkin peranan yang dimainkan oleh bangsa Arab bagi menyebarkan Islam di rantau ini ketika zaman Rasulullah s.a.w dan Khulafa' al-Rashidin masih merupakan hipotesis, tetapi dengan lahirnya zaman dinasti Umayyah dan Abasiyyah, lebih jelas terbukti pendudukan orang Arab Islam di rantau ini.²³

Bukti-bukti sejarah telah menunjukkan bahawa Muawiyah bin Abu Sufian, pengasas kerajaan Bani Umayyah pernah menghubungi Ratu Sima di Jawa pada tahun 674M bersamaan 52H.²⁴ Namun, pada zaman khalifah Umar Abdul Aziz, usaha-usaha dakwah Islamiah menampakkan hasil apabila beliau berjaya mengislamkan Srindravarman, Raja Srivijaya di Jambi pada tahun 718M.²⁵

Di Tanah Melayu terdapat bukti-bukti yang kuat menunjukkan bahawa agama Islam dibawa secara langsung dari Tanah Arab oleh bangsa Arab. Antaranya di dalam Tambo Kedah, menceritakan tentang pengislamahan raja Kedah oleh seorang ulama Arab iaitu Syeikh Abdullah.²⁶ Setelah memeluk Islam, raja tersebut ditukarkan nama kepada Sultan

²³ Abdullah Ishak, *op.cit.*, hlm. 101.

²⁴ Fatimi, Saiyid Qudrat Allah, *Islam Comes To Malaysia*, 1963, t.c., Singapore; Malaysian Sociological Research Institute Ltd., hlm. 69. (Selepas ini Fatimi).

²⁵ Fatimi, *Two Letters From The Maharaja To The Khalifah: A Study In The Early History Of Islam In The East*, 1963, vol. 11, t.c., Karachi; Islamic Studies, hlm. 129.

²⁶ Thomas Walker Arnold, *op.cit.*, hlm. 326.

Lihat juga Abdul Malik Karim Amrullah, *Sejarah Umat Islam*, 1977, cet.2, Kuala Lumpur; Pustaka Antara, hlm. 422. (Selepas ini Hamka).

Muzlafus Shah. Begitu juga dengan pengislaman Raja Melaka pada tahun 1414M oleh seorang ulama dari Jeddah bernama Sheikh Abdul Aziz.²⁷ Setelah memeluk Islam, baginda bergelar Sultan Muhammad Shah. Berdasarkan nama ulama dan gelaran baru bagi raja Melaka, jelas menunjukkan ianya berasal dari Tanah Arab.

Pengaruh mazhab Syafie juga menjadi bukti yang tidak dapat diabaikan bahawa orang Arab merupakan pelopor utama penyebaran Islam di negeri-negeri Melayu.²⁸ Begitu juga dengan perlembagaan bahasa dan kesusteraan Melayu turut dihubungkaitkan proses pengislaman kepulauan Melayu justeru perbendaharaan kata telah diperkayakan dengan istilah-istilah dan perkataan Arab serta Parsi.²⁹

Berdasarkan beberapa sumber sejarah yang terdapat di Nusantara sama ada berbentuk laporan atau catatan jelas menunjukkan bahawa agama Islam berasal dari Tanah Arab.

²⁷ John Bastin dan D.C. Twitchett, (ed.), *Sejarah Melayu or Malay Annals*, 1970, t.c., New York; Oxford University Press, hlm. 30.

²⁸ Hamka, *op.cit.*, hlm. 427.

²⁹ Al-Attas, *Islam Dalam Sejarah Dan Kebudayaan Melayu*, 1972, t.c., Selangor; Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, hlm. 40-41.

ii. Islam Datang Dari India

Selepas tahun 1883, C.Snouck Hurgronje's, seorang ahli sejarah Belanda telah mengemukakan satu teori yang mengatakan bahawa Islam di Gugusan Kepulauan Melayu datangnya dari India.³⁰ Teori ini turut disokong oleh Brian Harrison. Beliau melihat kepentingan hubungan dua hala antara masyarakat Nusantara dengan pedagang-pedagang India untuk mendapatkan nasihat dalam hal-hal perniagaan, sekaligus menarik minat mereka kepada agama Islam yang dianuti oleh pedagang-pedagang tersebut.³¹

Namun begitu, para pengkaji tidak sepakat tentang dari daerah manakah di India Islam itu datang, samada Gujarat, Malabar atau Benggala. Teori kedatangan Islam dari Benggala telah dikemukakan oleh S.Q. Fatimi berdasarkan kajian beliau dari tulisan Marco Polo, Tom Pires dalam bukunya "*Suma Oriental*" dan beberapa catatan lain. Menurut Fatimi, Raja Pasai terawal yang bergelar Malik al-Salleh' bukanlah rakyat tempatan tetapi berketurunan Benggali. Berdasarkan kenyataan ini, beliau membuat kesimpulan bahawa Benggala menjadi negeri utama tempat kedatangan Islam.³²

³⁰ Fatimi, *Islam Comes To Malaysia*, *op.cit.*, hlm. 4.

³¹ Brian Harrison, *op.cit.*, hlm. 60.

³² Fatimi, *Islam Comes To Malaysia*, *op.cit.*, hlm. 25.

Dr. Abdullah Ishak, dalam bukunya “*Islam di India, Nusantara Dan China*” telah menolak teori Fatimi ini. Menurut beliau, Raja Pasai yang pertama ialah Mahmud Shah dan bukannya Malik al-Salleh seperti yang dilaporkan oleh Tom Pires dan dipersetujui oleh Fatimi. Mengenai salsilah keturunan Malik al-Salleh yang dikatakan dari keturunan Benggali tidak dapat diterima kerana tidak ada bukti yang menyakinkan.³³

Manakala teori kedatangan Islam dari Gujerat, Fatimi membahaskan karangan Moquette, seorang sarjana Belanda yang telah menerbitkan satu artikel mengenai batu-batu nisan di Pasai dan Grisek. Menurut Moquette terdapat persamaan antara batu-batu nisan di Pasai dan Grisek dengan batu nisan yang ditemui di Gujerat.³⁴ Atas persamaan ini, sebahagian dari sarjana-sarjana barat berpendapat bahawa Islam di Nusantara dibawa dari Gujerat.

Namun begitu, teori ini telah mendapat kritikan dari pengkaji tempatan iaitu Syed Muhammad Naquib Al-Attas. Menurut beliau, suatu yang kurang tepat menyimpulkan tentang tempat asal Islam berdasarkan persamaan batu nisan di Gujerat. Batu-batu nisan itu di sini kerana mudah diperolehi dari tempat yang terdekat.³⁵

³³ Abdullah Ishak, *op.cit.*, hlm. 106.

³⁴ Fatimi, *Islam Comes To Malaysia*, *op.cit.*, hlm. 31.

³⁵ Al-Attas, *Islam Dalam Sejarah Dan Kebudayaan Melayu*, *op.cit.*, hlm. 33.

Berdasarkan keterangan-keterangan di atas, kesimpulan yang dapat dibuat ialah kedatangan Islam ke Malaysia adalah berasal dari Tanah Arab. Penulis menerima pendapat ini kerana ianya berdasarkan sumber-sumber sejarah yang lebih jelas sama ada dari kajian kajian sejarawan tempatan mahupun Barat.

2. Perkembangan Islam Di Malaysia

Islam berkembang luas dikalangan orang Melayu di Semenanjung Tanah Melayu pada abad ke 14 Masihi seiring dengan tertegaknya kerajaan Islam Terengganu yang mempraktikkan syariat Islam. Walaubagaimanapun, Islam mencapai kemuncak keagungannya setelah Kerajaan Melayu Melaka berkembang pesat pada abad ke 15 Masihi.

Sejarah umat Islam di Malaysia sinonim dengan perjalanan dan perkembangan orang Melayu. Sungguhpun mereka daripada pelbagai kelompok, mereka adalah dari rumpun Melayu dan beragama Islam. Jika dahulu, cuma terdapat suku-suku kaum yang tegak dengan identiti sendiri tetapi kemunculan Islam telah melahirkan bangsa Melayu yang meletakkan Islam sebagai teras keperibadian. Namun begitu, walaupun pengislaman orang-orang Melayu telah bermula seawal kurun ke 13 Masihi, perjalanan hidup mereka masih disulami elemen-elemen anamisma dan hindu juga bercampurgaul dengan kepercayaan tradisional.

Selbelum kedatangan Inggeris, undang-undang Islam telah dilaksanakan oleh Kerajaan Islam Melaka. Dalam undang-undang Melayu Lama atau Hukum Kanun, terdapat hukum-hukum Islam yang dipakai seperti hukuman potong tangan bagi kesalahan mencuri, hukuman sebat atau rejam bagi penzina dan sebagainya.³⁶ Setelah Inggeris mula menjajah Tanah Melayu, sistem pentadbiran sekular telah diperkenalkan. Pada dasarnya campurtangan penjajah yang bermula secara sistematik pada tahun 1874 tidak menggugat cara hidup umat Islam yang sedia ada pada masa tersebut. Umat Islam masih dibenarkan mengamalkan ajaran-ajaran Islam. Namun begitu secara halus, Inggeris telah bertindak mengasingkan urusan agama dan politik. Melalui Perjanjian Pangkor, semua urusan pentadbiran diserahkan kepada residen Inggeris kecuali soal-soal agama dan adat istiadat Melayu. Sistem residen kemudiannya diperluaskan ke negeri lain di Tanah Melayu.

Setelah mencapai kemerdekaan dari cengkaman penjajah pada 31^{hb} Ogos 1957, kedudukan agama Islam cuba diperbaiki dengan meletakkannya pada tahap istimewa di dalam perlembagaan. Perkara (3) ceraian (1) telah menjelaskan;

³⁶ Abdul Rahman Hj. Abdullah, **Sejarah Dan Pemikiran Islam**, 1981, cet. 1, Selangor; Penerbitan Pena Sdn. Bhd., hlm. 272.

"Agama Islam ialah agama bagi persekutuan, tetapi agama-agama lain boleh diamalkan dengan aman dan damai di mana-mana bahagian dalam persekutuan".³⁷

Peruntukan perlembagaan ini bukan sekadar memberi kebebasan beragama kepada penganut agama-agama selain Islam, bahkan turut memberi ruang yang lebih kepada agama Islam untuk berkembang. Tumpuan diberi kepada bidang pendidikan iaitu memastikan mata pelajaran agama Islam diajarkan di semua sekolah. Begitu juga dengan program-program yang berbentuk keislaman disebarluaskan ke dalam masyarakat bagi memastikan syiar Islam terus berkesinambungan.

Namun begitu, peruntukan dalam perlembagaan itu juga memberikan implikasi yang negatif terhadap agama Islam dan undang-undang di Tanah Melayu kerana pengertiannya dalam bentuk yang sempit dan masih berbau sekular.

Kebangkitan semula Islam diakhir 70an dan awal 80an yang merupakan satu fenomena sejagat turut mengesani Malaysia. Islam sebagai "*way of life*" yang lengkap dan tersendiri mulai diterima oleh jumlah yang semakin bertambah dari kalangan masyarakat Malaysia. Selaras dengan kebangkitan Islam ini, kerajaan telah melancarkan program "*Dasar Penerapan Nilai-nilai Islam*" (DPNI) yang merupakan sebahagian dari

³⁷ Perlembagaan Persekutuan (Hingga 1^{hb} Januari 1999), *op.cit.*, hlm. 1.

pelbagai usaha kerajaan untuk memasukkan roh Islam dalam pentadbiran dan kehidupan rakyat Malaysia. Agensi-agensi kerajaan dan badan-badan separuh kerajaan merupakan bahagian-bahagian yang terpenting untuk menjalani dan melaksanakan rancangan ini.³⁸ Beberapa usaha telah dijalankan melibatkan berbagai bidang antaranya bidang pendidikan, ekonomi dan pentadbiran. Hasil usaha kerajaan ini dapat dilihat dengan terbinanya Bank Islam, Syarikat Takaful, Lembaga Tabung Haji, Universiti Islam Antarabangsa, Institut Kefahaman Islam dan sebagainya.

Dewasa ini, seiring dengan usaha kerajaan mempertingkatkan kefahaman Islam dikalangan penduduk Islam juga dari keindahan Islam itu sendiri menjadikan Islam agama yang paling meluas dianuti oleh penduduk di Malaysia.

Menurut bancian tahun 1991, kira-kira 10.3 juta orang menganut agama Islam iaitu 57% dari jumlah penduduk.³⁹ Namun begitu, walaupun Islam merupakan agama yang paling dominan di kedua-dua kawasan bandar dan luar bandar, terdapat perkadarangan yang lebih besar penduduk luar bandar yang beragama Islam iaitu 69% berbanding kira-kira 49% di

³⁸ Bahagian Agama Jabatan Perdana Menteri, *Satu Penjelasan Tentang Rancangan Penerapan Nilai-nilai Islam*, t.t., t.c., Kuala Lumpur; Bahagian Agama Jabatan Perdana Menteri, hlm. 21.

³⁹ Jabatan Perangkaan Malaysia, *Laporan Am Banci Penduduk*, 1995, Jil. 1, t.c., Kuala Lumpur; Jabatan Perangkaan Malaysia, hlm. 75.

Bancian untuk umat Islam di Malaysia dibuat setiap 10 tahun sekali.

kawasan bandar.⁴⁰ Perbezaan ini kesan dari penjajahan yang telah mengasingkan penempatan penduduk berdasarkan tahap ekonomi masing-masing.

Kesimpulannya, proses perkembangan Islam di Malaysia merupakan sebahagian dari proses perkembangan Islam di Nusantara kerana Malaysia adalah sebahagian dari Gugusan Kepulauan Melayu. Bermula dari abad ke 7 Masihi Islam mula bertapak, seterusnya berkembang ke negeri-negeri lain di Malaysia. Kedudukan Islam pada awal kemunculannya diperkuuhkan dengan tertegaknya Kerajaan-kerajaan Islam Kelantan, Terengganu dan Melaka. Kedatangan penjajah bersama misi menghancurkan Islam tidak berjaya menguburkan Islam secara total kerana umat Islam waktu itu masih tetap berpegang pada ajaran Islam. Namun begitu, unsur-unsur negatif peninggalan penjajah turut mengesani pemikiran umat Islam selepas pengunduran mereka. Gabung jalin antara unsur-unsur negatif peninggalan penjajah serta proses pengislaman orang-orang Melayu yang bercampuraduk dengan amalan warisan dan kepercayaan mendatang telah membuka ruang kepada perkembangan aliran-aliran kepercayaan yang melencong dari landasan Islam.

⁴⁰ *Ibid*, him. 78.

C. Aliran-aliran Kepercayaan Di Malaysia

Aliran kepercayaan dibina dari dua perkataan utama iaitu alir dan percaya. Kata kerja alir dan penambahan'an, membawa maksud haluan pemikiran atau mazhab.⁴¹ Manakala percaya bererti akuan akan benarnya sesuatu. Penambahan 'kean kepada kepercayaan menunjukkan sebagai kata benda abstrak.⁴² Menurut istilah bahasa arab, kepercayaan disama ertikan dengan akidah berasal dari kata dasar 'aqada (عِدَة) yang bermaksud simpulan atau ikatan yang kukuh.⁴³ Secara amnya, bererti ikatan kukuh yang akan menerbitkan ideologi atau kepercayaan.

Aliran kepercayaan boleh disimpulkan sebagai satu haluan pemikiran yang berasaskan kepercayaan dan keyakinan terhadap sesuatu perkara sehingga melahirkan pelbagai konsep serta amalan.

Aliran-aliran kepercayaan yang dimaksudkan di dalam disertasi ini ialah aliran-aliran kepercayaan yang terdapat di Malaysia merangkumi aliran kepercayaan yang diakui kebenarannya oleh pihak berkuasa seperti Ahli Sunnah Wal Jamaah (ASWJ) juga aliran-aliran kepercayaan yang dikategorikan menyeleweng dari landasan Islam.

⁴¹ Noresah Baharom, (ed.), *Kamus Dewan Edisi Ketiga*, 1997, cet. 3, Kuala Lumpur; Dewan Bahasa Dan Pustaka, him. 30.

⁴² *Ibid*, him. 1014.

⁴³ Elias Antoon, *al-Qamus al-Madrasî: Inklîzî – wa 'Arabi*, t.t., cet. 10, Delhi; Taj Company, n.d. him. 271.

1. Aliran Kepercayaan Ahli Sunnah Wal Jamaah (ASWJ)

Aliran kepercayaan Ahli Sunnah Wal Jamaah (ASWJ) merupakan satu-satunya aliran yang diterima pakai di Malaysia. Ini adalah seiring dengan fatwa yang telah dikeluarkan oleh Majlis Fatwa Kebangsaan tidak lama dahulu. Keputusan tersebut dibuat sebagai satu usaha untuk membendung perkembangan aliran-aliran yang bertentangan dengan tuntutan al-Quran dan sunnah sejak kebelakangan ini.

Sehubungan dengan itu, penulis merasakan perlu diperincikan beberapa perkara yang berkaitrapat dengan ASWJ dengan harapan agar umat Islam di Malaysia khususnya, mendapat gambaran yang jelas dan tepat mengenainya. Penulis akan membincangkan tentang definisi ASWJ menurut pandangan beberapa ulama, manhaj ASWJ serta sejarah kemunculannya.

a. Definasi Ahli Sunnah Wal Jamaah.

Sebagai muqaddimah perbincangan definisi ASWJ, penulis akan membentangkan maksud dan perkataan yang telah menjadi suku kata utama iaitu; Ahlu/Ahli dan Sunnah.

i. Ahli

Kamus Dewan telah membahagikan definisi Ahli kepada dua bahagian iaitu;

1. Ahli

Orang yang mahir atau mempunyai pengetahuan yang mendalam dalam sesuatu bidang atau dikenali sebagai pakar. Ahli juga digunakan untuk anggota sesuatu pertubuhan atau persatuan.⁴⁴

2. Ahli/ Ahlu/ Ahlul

Apabila perkataan-perkataan di atas digabungkan dengan sunnah (wal Jamaah) ia memberi maksud kaum Islam yang menurut ajaran hadis Nabi Muhammad s.a.w.⁴⁵

ii. Sunnah

Sunnah menurut bahasa ialah tariqah atau sirah, bermaksud jalan atau cara yang diikuti samada baik ataupun buruk.⁴⁶

Sehubungan dengan ini, Rasulullah s.a.w telah bersabda;

⁴⁴ Noresah Baharom, *op.cit.*, hlm. 14.

⁴⁵ *Ibid.*

⁴⁶ Ibn Fāris, Abī al-Husayn Ahmad, *Mu'jam Maqāyis al-Lughat*, 1970, Tahqīq; 'Abd al-Salām Muhammad Hārūn, Juz 3, Cet. 2, Miṣr; al-Bābī al-Ḥalabī wa Aulādūhu, hlm. 61. (Selepas ini Ibn Fāris).

Lihat Muhammad 'Ijāj al-Khaṭīb, *Uṣūl al-Ḥadīth*, 1989, cet. 1, Beirut; Dār al-Fikr, hlm. 17.

من سن سنة حسنة فله أجرها وأجر من عمل
بها الى يوم القيمة ومن سن سنة سيئة فعلية
وزرها ووزر من عمل فيها الى يوم القيمة.⁴⁷

Maksudnya,

"Barangsiapa yang melakukan sesuatu sunnah (jalan atau cara) yang baik, maka baginya pahala sunnah itu dan pahala orang yang melakukannya hingga hari kiamat, dan barangsiapa yang melakukan sesuatu sunnah (jalan yang jahat atau buruk), maka dia akan mendapat dosa dan dosa orang yang melakukannya hingga hari kiamat."

Manakala dari segi istilah, terdapat beberapa definisi yang dibuat oleh para ulama mengikut bidang ilmu dan jurusan masing-masing. Di antara bidang-bidang ilmu di dalam Islam yang memberikan definisi kepada ahli sunnah adalah seperti berikut;

- i. Al-Sunnah didefinisikan oleh ulama Hadis sebagai apa yang datang daripada Rasulullah s.a.w sama ada dari sudut perkataan, perbuatan, takrir atau akhlak Rasulullah s.a.w dan sifat kejadiannya, sama ada yang berlaku sebelum perlantikan baginda sebagai nabi atau selepasnya sama ada

⁴⁷ Al-Hajjāj, Abī al-Ḥusyn Muslim al-Qusyairī al-Naisābūrī, *Sahīh Muslim*, t.t., Kitāb al-Zakāt, Bāb al-Ḥathu ‘Ala al-Ṣadaqāt, Juz 1, t.c., Beirut; Dār Ṣādir, hlm. 406. (Selepas ini Muslim).

perkara tersebut berhubung kait dengan hukum atau pun tidak.⁴⁸

Pengkajian ulama hadis lebih meluas merangkumi segala perkara yang berkaitan dengan Rasulullah s.a.w tanpa menghadkan kepada penentuan hukum sahaja kerana mereka melihat Rasulullah s.a.w sebagai contoh teladan yang terbaik serta pemimpin umat manusia.

- ii. Menurut ulama fiqh pula al-Sunnah ialah sesuatu yang diterima daripada Rasulullah s.a.w dan tidak menunjukkan fardhu atau wajib.⁴⁹ Mereka lebih mengkhususkan al-Sunnah kepada perkara-perkara sunat iaitu melakukannya mendapat pahala manakala meninggalkannya tidak berdosa.

- iii. Manakala ulama usul fiqh mendefinisikan al-Sunnah sebagai perkara-perkara yang disandarkan kepada Rasulullah s.a.w selain dari al-Quran merangkumi perkataan, perbuatan dan takrir yang berkaitan dengan hukum.⁵⁰

⁴⁸ Muhammad 'Ijāj al-Khatib, *op.cit.*, hlm. 19.

⁴⁹ *Ibid.*

⁵⁰ *Ibid.*

Perbahasan dan perbincangan ahli usul tentang al-Sunnah hanya dari sudut penentuan dalil-dalil syarak sahaja. Oleh kerana itu tumpuan mereka kepada perkara yang berlaku selepas perlantikan Nabi menjadi Rasul.

iv. Ulama Akidah

Al-Sunnah ditakrifkan oleh ulama akidah sebagai hidayah yang dibawa oleh Rasulullah s.a.w dan diikuti oleh para sahabat, sama ada ilmu atau perkara iktikad, perbuatan atau perkataan sebagai satu sunnah yang wajib diikuti, orang yang mengamalkannya akan dipuji manakala yang menyalahinya akan dikeji.⁵¹

Ahli akidah juga membuka ruang yang lebih luas dalam membahaskan tentang al-Sunnah apabila sunnah dilihat sebagai semua perkara yang dibawa oleh Rasulullah s.a.w merangkumi perkara-perkara hukum ataupun sebaliknya. Pengamalan terhadap al-Sunnah merupakan satu kewajipan serta terpuji dan sebaliknya dikeji.

⁵¹ Muhammad ibn Ibrāhīm al-Hamd, *Akīdat Ahl al-Sunnat wa al-Jamā'at*, 1996, t.c., t.k., Dār al-Watan, him. 21.

Berdasarkan beberapa pentakrifan dari sudut istilah yang dibuat oleh golongan ulama, terdapat persamaan juga sedikit perbezaan yang lebih menjurus kepada bidang kajian masing-masing. Walaubagaimana, al-sunnah bersumberkan dari Rasulullah s.a.w merangkumi segala aspek kehidupan yang perlu diterapkan dalam tatacara kehidupan masyarakat kini.

Setelah mengemukakan pengertian sunnah dari sudut bahasa dan istilah, penulis merasakan perlu untuk menengahkan definasi ASWJ sebagaimana yang telah diberikan oleh para ulama. Antaranya ialah;

- i. Menurut Ibn Hazm,⁵² Ahl al-Sunnah ialah mereka yang dikatagorikan sebagai Ahl al-Haq dan selain dari mereka merupakan Ahl al-Bidaah. Mereka adalah para sahabat (r.a) dan orang-orang yang mengikuti manhaj sahabat yang terdiri daripada para tabien (r.a), ashabul al-Hadis dan pengikut-pengikut dari kalangan para ulama fiqh, dari satu generasi ke satu generasi sehingga hari ini, serta pengikut-pengikut yang terdiri dari orang-orang awam di timur dan barat.⁵³

⁵² Beliau ialah Abū Muhammād 'Alī ibn Ḥāmid ibn Sa'īd ibn Ḥazm al-Zoh̄irī, (selepas ini Ibn Ḥazm) merupakan salah seorang tokoh hadis yang terkenal. Dilahirkan di Qurtubah pada tahun 384H bersamaan 994M dan meninggal dunia pada tahun 456H bersamaan 1064M.

Lihat al-Dhahabī, Abī 'Abd Lāh Muhammād ibn Ḥāmid ibn 'Uthmān, *Siyar al-Nubala'i*, 1941, t.c., Beirut; Matba'aṭ al-Bayān, hlm. 21-51.

⁵³ Ibn Hazm, *al-Faṣl fī al-Milal wa al-Aḥwa' wa al-Nihāl*, 1975, Jil. 2, t.c., Beirut; Dār al-Ma'rifa, hlm. 113.

- ii. Ibn al-Jawzi⁵⁴ pula menyebut; al-Sunnah dari segi bahasa adalah jalan, manakala Ahl al-Sunnah ialah Ahl al-Naql dan al-Athar yang mengikut hadis-hadis Rasulullah s.a.w dan athar sahabat-sahabatnya kerana mereka berada pada jalan yang suci dari bidaah. Perkara-perkara baru dan bidaah hanya berlaku selepas Rasulullah s.a.w dan sahabat-sahabatnya.⁵⁵

Berdasarkan definasi ini, dapatlah dirumuskan bahawa ASWJ terdiri daripada;

- i. Generasi pertama iaitu para sahabat yang telah menerima ajaran Islam secara langsung dari Rasulullah s.a.w berpandukan al-Quran dan Hadis.
- ii. Para tabien dan Atba' tabien yang mengikut langkah para sahabat merangkumi segala tindaktanduk disetiap masa dan tempat.

⁵⁴ Beliau ialah 'Abd al-Rahman ibn 'Ali ibn Muhammad ibn 'Ali ibn 'Abd al-Lāh ibn Hummādā ibn Ahmad ibn Muhammad ibn Ja'far al-Jawzi (selepas ini Ibn al-Jawzi), juga terkenal dengan gelaran Jamal al-Dīn (atau Jamaluddin). Dilahirkan di Baghdad pada tahun 510H. Ada pendapat yang menyatakan setahun atau dua tahun sebelum tarikh tersebut, Beliau meninggal dunia pada tahun 597H.

Lihat 'Abd al-'Aziz Matar, *Lahn al-'Āmmah Fī Dawī al-Dirāsāt al-Lughawiyat al-Hadīthat*, 1966, t.c., Kaherah; Dār al-Qawmiyāt, hlm. 170.

⁵⁵ Ibn al-Jawzi, *Talbīs Iblīs*, t.t., t.c., Beirut; Dār al-'Ulum, hlm. 16.

- iii. Orang-orang awam yang memahami serta mengamalkan ajaran al-Quran dan al-Sunnah sebagaimana amalan para salaf al-Soleh, dan tidak melakukan perkara-perkara bidaah dalam agama.

ASWJ juga mempunyai beberapa nama lain yang telah digunakan sepanjang sejarah umat Islam antaranya ahlu al-Jamaah, ahl al-Hadis, ahl al-Athar, al-Firqah al-Najiah dan lain-lain.

b. Manhaj Ahli Sunnah Wal Jammah

ASWJ mempunyai manhaj yang mantap dari sudut akidah dan hukum bersumberkan al-Quran dan al-Sunnah. Berikut, penulis sertakan secara ringkas manhaj ASWJ iaitu,⁵⁶

- i. Mereka membataskan penerimaan ilmu hanya kepada al-Quran dan Sunnah Rasul serta menolak selainnya. Ini bermaksud ASWJ lebih mengutamakan Kalamullah dari kalam manusia dan sentiasa mendahulukan petunjuk dari Nabi Muhammad s.a.w.
- ii. Mereka berpendapat bahawa ijmak salaf al-Soleh merupakan hujah syar'iyyah yang sepatutnya diikuti oleh generasi

⁵⁶ Muhammad 'Abd. al-Hādi al-Misrī, *Ahl al-Sunnat wa al-Jamā'at; Ma'ālim al-Intilaqat al-Kubrā*, 1992, cet.4, Kaherah; Dār al-I'lam al-Duwali, hlm. 65-67.

selepas mereka. ASWJ berpendapat bahawa generasi yang paling mengetahui kebenaran syariat Allah selepas Rasulullah s.a.w ialah para sahabat dan salaf al-Soleh. Ini adalah kerana para sahabat contohnya, hidup sezaman dengan Rasulullah s.a.w dan melihat peristiwa penurunan wahyu serta penyelesaian sesuatu masalah.

- iii. Mereka tidak menetapkan suatu kenyataan dan tidak pula menerima hasil ijtihad kecuali setelah mengupasnya berdasarkan al-Quran, sunnah serta ijmak. Ini menjelaskan bahawa ASWJ sentiasa berpegang kepada al-Quran, al-Sunnah serta panduan generasi sahabat.
- iv. Mereka mendahulukan nas syara dari akal. Ini bermaksud pegangan ASWJ selaras dengan nas-nas syara dan mereka yakin setiap perkara yang bertentangan dengan syara adalah batil. Berbanding dengan akal fikiran manusia yang sering terdedah pada kesilapan dan kesalahan.

Kesimpulannya, manhaj yang dipegang oleh ASWJ berpandu terus kepada al-Quran dan Sunnah serta ijmak para sahabat baginda disamping memberi akal peranan yang sesuai dengan kemampuannya.

c. **Sejarah Kemunculan Istilah Ahli Sunnah Wal Jamaah**

ASWJ sebagaimana yang telah dikupaskan sebelum ini terdiri dari generasi pertama iaitu para sahabat dan seterusnya diikuti mereka yang terkemudian. Ini bermakna ASWJ telah wujud sejak awal lagi.

Namun dalam membincangkan tentang sejarah kemunculan ASWJ kita akan menemui beberapa pandangan ulama dan pengkaji sejarah Islam. Ada yang berpendapat Ahl al-Sunnah muncul pada masa pemerintahan khalifah al-Mansor dan al-Rashid iaitu di zaman Abasiah,⁵⁷ dan antara yang tersebar luas dikalangan masyarakat kini, ASWJ dibawa oleh Abu Hassan al-Asy'ari.

Sebaliknya, jika kita melihat kepada hadis-hadis dan sejarah umat Islam, kita akan mendapati bahawa penggunaan istilah ASWJ telah ada sejak awal lagi dan telah tersebar luas dikalangan sahabat antaranya ialah;

⁵⁷ Ameer 'Ali, *Ruh al-Islam*, 1968, Jil. 2, t.c., Beirut; Dār al-'Ilm li al-Malīyin, hlm. 149.

١) فقد اخر اللالكائى بسنده عن ابن عباس⁵⁸ رضى الله عنهم
 فى قوله تعالى (يَوْمَ تُبَيِّضُ وُجُوهٌ وَتَسْوَدُ وُجُوهٌ) [آل عمران: ١٦]
فاما الذين ابصروا وجوههم : هم اهل السنة والجماعة
واما الذين اسودت وجوههم : فاهم البدع والضلال.⁵⁹

Maksudnya;

"Daripada al-Lalakaie, dari sanad Ibn Abbās r.a. Berdasarkan firman Allah ("Pada hari diputihkan dan dihitamkan wajah-wajah") [al-'Imrān: 106] Mereka yang diputihkan wajah-wajah ialah ahli Ahli Sunnah wal Jamaah. Manakala mereka yang dihitamkan wajah ialah ahli bidaah dan kesesatan."

٢) سفيان الثوري⁶⁰
 قال : استوصوا بأهل السنة خيراً فابنهم غرباً.⁶¹

⁵⁸ Beliau ialah 'Abd. al-Lāh ibn 'Abbās ibn 'Abd. al-Mutālib ibn Hāsyim ibn 'Abd. Manāf ibn Qusayy Abu al-'Abbās al-Hāsyimy al-Quraisy (selepas ini Ibn 'Abbas), anak kepada bapa saudara nabi. Dengan lain perkataan beliau ialah sepupu Rasulullah s.a.w. Ibn 'Abbas dilahirkan tiga tahun sebelum hijrah bersamaan 619M di Mekah dan meninggal dunia di Taif pada tahun 68H bersamaan 687M ketika berusia 71 tahun. Lihat Ibn 'Abbas, *Kitab Ghārīb al-Qurān*, 1993, Tahqiq; Ahmad Bülüt, cet.1, Kaherah; Maktabat al-Zahra', hlm. 7 dan 10.

⁵⁹ Al-Lalakaie, Abī al-Qāsim Habbatullah ibn al-Hassan ibn Mansur, *Syarh Uṣūl I'tikād Aṭl al-Sunnat wa al-Jamā'at*, 1990, Jil. 1, cet. 2, t.k., t.p., hlm. 72. (Selepas ini al-Lalakaie).

Al-Baghawi, Abī Muhammad al-Husayn ibn Mas'ūd al-Farrā', *Ma'ālim al-Tanzīl*, 1993, Juz 2, cet. 1, Beirut; Dār al-Kutub al-'Ilmiyat, hlm. 264. (Selepas ini al-Baghawi)

Ibn Kathīr, Abu Fida' Ismā'il 'Imad al-Dīn ibn 'Umar, *Tafsīr al-Qurān al-'Azīz*, 1983, Juz 1, t.c., Beirut; Dār al-Ma'rifa, hlm. 390. (Selepas ini Ibn Kathīr).

⁶⁰ Nama beliau ialah Sufyān ibn Sa'īd ibn Masriq ibn 'Adī al-Thaurī. Beliau merupakan seorang ilmuwan yang terkenal pada zamannya. Tekun serta kuat hafalan. Dilahirkan di Kufah pada tahun 95H dan meninggal dunia di Basrah pada bulan Sya'bān 161H, ketika berusia 66 tahun. Lihat Tanpa Pengarang, *al-Munjid Fī al-A'lām*, 1976, cet. 10, Beirut; Dār al-Masriq, hlm. 357.

Lihat juga, al-Asbahāni, Abū Bakr Ahmad ibn 'Ali ibn Manjuwaih, *Rijāl Sahīh Muslim*, 1987, Tahqiq; 'Abd al-Lāh al-Laithī, Jil. 1, cet. 1, Beirut; Dār al-Ma'rifa, hlm. 282-283.

⁶¹ Al-Lalakaie, *op.cit.*, hlm. 63.

Maksudnya;

"Berwasiatlah dengan Ahl al-Sunnah perkara-perkara yang baik, maka sesungguhnya mereka adalah pedagang."

Berdasarkan petikan di atas, dapatlah dibuat kesimpulan bahawa istilah ASWJ telah digunakan dengan meluas semenjak zaman sahabat lagi, terutamanya bukti dari tafsiran Ibn Abbas, sahabat Rasulullah s.a.w yang sempat hidup sezaman dengan baginda.

Namun begitu, penggunaan istilah ini secara rasmi hanya bermula setelah berlakunya fitnah dikalangan umat Islam semasa pemerintahan khalifah Uthman. Ianya seiring dengan kemunculan golongan-golongan serpihan seperti khawarij, syiah, muktazilah dan sebagainya. Antara tokoh yang begitu gigih mempertahankan al-Sunnah pada waktu itu ialah Imam Ahmad bin Hambal⁶² hingga beliau digelar sebagai Imam ahli Sunnah. Usaha-usaha Imam Ahmad tersebut diteruskan oleh generasi seterusnya bagi memastikan kesinambungan manhaj ASWJ juga membezakan golongan ini dari golongan-golongan yang telah menyelewangkan manhaj yang dibawa oleh Rasulullah s.a.w.

Kesimpulannya, ASWJ telah wujud sejak zaman Rasulullah s.a.w lagi dan diteruskan oleh para sahabat. Mereka telah meletakkan Kitab

⁶² Nama beliau ialah Ahmad ibn Muhammad ibn Hilal ibn Asad ibn Idris ibn 'Abd al-Lâh ibn Hassan. Beliau dilahirkan pada bulan Rabiul Awal tahun 164H dan meninggal dunia pada bulan Rabiul Akhir 241H. Lihat Ahmad ibn Hambal, *Kitab al-Zuhd*, 1984, Tahqiq; Muhammed Jalal Syarif, t.c., t.k., Dâr al-Fikr al-Jami', him. 9-10.

Allah, Sunnah Rasul dan Ijmak sebagai sumber utama di dalam akidah dan hukum syara. Justeru umat Islam perlu kembali kepada prinsip-prinsip yang telah diamalkan oleh generasi terdahulu bagi memastikan kita tergolong dikalangan mereka yang direhsti Allah.

2. Aliran-aliran Kepercayaan Yang Menyeleweng Dari Islam

Umat Islam sentiasa diancam oleh musuh-musuh yang menunggu peluang untuk menjatuhkannya. Ancaman-ancaman yang cuba diwujudkan merangkumi pelbagai aspek sama ada secara fizikal, mental dan spritual. Kegiatan-kegiatan seperti ini telah bermula semenjak zaman nabi lagi dan berterusan hingga ke hari ini.

Salah satu dari ancaman musuh-musuh Islam ialah kemunculan aliran-aliran kepercayaan yang bertentangan dengan ajaran Islam. Sejarah kemunculan aliran-aliran kepercayaan yang menjadi tunggak perkembangan ajaran sesat telah bermula seawal pengakuan Musaylimah al-Kadhāb⁶³ sebagai nabi. Beliau yang berasal dari kabilah Bani Hānifah telah menentang nabi dan kemudiannya beralih kepada pentadbiran khalifah Abū Bakr dengan tujuan mendirikan kekuasaannya di

⁶³ Beliau ialah Musaylimah al-Kadhāb ibn Thumāmah ibn Kathīr ibn Habīb ibn al-Harith ibn 'Abd al-Harith ibn 'Addy ibn Hanifah. Lihat Ibn Hazm, *Jamhārāt Ansāb al-'Arab*, 1962, Tahqīq; 'Abd al-Salām Muhammad Hārūn, t.c., Kaherah; Dār al-Ma'arif, him. 310.

Yamamah.⁶⁴ Beliau akhirnya dibunuh oleh umat Islam dalam perang al-Riddah kerana turut ingkar membayar zakat.

Turut serta dalam pengakuan sebagai nabi ialah Tulaiyah ibn Khuwaylid⁶⁵ dari suku Asad dan Sajāh bint Aus⁶⁶ dari suku Tamim. Mereka telah bersatu dengan Musaylimah dalam mempelopori aliran baru dalam Islam.

Kesan penyelewengan tersebut berterusan hingga ke pemerintahan semua Khulafa' al-Rasyidin walaupun golongan ini sentiasa diperangi. Hasilnya umat Islam telah berpecah-belah serta sukar untuk disatukan kembali.

Kegiatan musuh Islam telah berubah kepada kegiatan akidah seperti al-Batiniah, Zanadiyah dan sebagainya pada masa Islam belum

⁶⁴ Mahayudin Haji Yahaya, *Sejarah Awal Perpecahan Umat Islam*, 1984, cet. 1, Kuala Lumpur; Dewan Bahasa Dan Pustaka, hlm. 2.

Lihat juga Cyril Grasse, *The Concise Encyclopaedia Of Islam*, 1989, cet. 1, London; Stacey International, hlm. 289.

⁶⁵ Tulaiyah ibn Khuwaylid ibn Naufal ibn Nadhlah ibn al-Asytar. Asal seorang sahabat nabi kemudiannya telah murtad dan mengaku menjadi nabi. Pada pemerintahan Umar, beliau telah kembali memeluk Islam dan mati syahid pada tahun 21H.

Lihat al-Baghdādī; Abī Mansūr 'Abd al-Qāhir ibn Tohir, *al-Farq baina al-Firaq wa Bayān al-Firqaṭ al-Nājiyaṭ Minhum*, t.t., cet.1, Kaherah; Muassasat al-Ḥalabī, hlm. 10. (Selepas ini al-Baghdādī).

Lihat juga Ibn Hazm, *Jamḥārāt Ansāb al-'Arab*, *op.cit*; hlm. 196.

⁶⁶ Sajāh bint Aus ibn Hariz ibn Usamāt ibn al-'Anbar, Dikenali dengan gelaran Ummu Sodr dan turut mengaku menjadi nabi. *Ibid*, hlm. 16.

sampai 100 tahun di Timur Tengah.⁶⁷ Dipercayai gerakan batiniah lahir pada zaman al-makmum dan mula merebak pada zaman al-Mu'tasim.⁶⁸ Namun begitu, salah seorang tokoh ajaran sesat yang muncul pada zaman khalifah 'Uthman turut memberi sumbangan kepada bidaah akidah di kalangan umat Islam ialah 'Abd al-Lāh bin Saba' yang juga dikenali dengan nama Ibn al-Sauda' (anak Negro/hitam). 'Abd al-Lāh bin Saba' merupakan seorang yahudi dari Shanā telah berpura-pura memeluk Islam dan kemudian menghasut umat Islam menentang khalifah disamping turut memperkenalkan pemikiran yang aneh berkaitan agama dan politik.⁶⁹

Aliran-aliran kepercayaan yang menjurus kepada ajaran sesat berlanjutan dari generasi ke generasi, dari satu tempat ke tempat yang lain. Sekarang ajaran sesat ini dikatakan telah mempengaruhi umat Islam di Malaysia. Gejala ini kiranya tidak dibendung boleh mencemar kesucian Islam seterusnya mengancam perpaduan ummah.

Berdasarkan kepada pengkajian mengenai sejarah kedatangan Islam di Tanah Melayu jelas menunjukkan bahawa perkembangan Islam ketika

⁶⁷ Abdul Fatah Haron Ibrahim, *Ajaran Sesat*, 1985, cet. 1, Kuala Lumpur; Dewan Bahasa Dan Pustaka, hlm. 53.

⁶⁸ Al-Baghdādī, *op.cit.*, hlm. 170.

⁶⁹ Taha Husayn, *al-Fitnah al-Kubrā*, 1961, t.c., Kaherah; Dār al-Ma'rif, hlm. 43.

Lihat juga M.T.H. Houtsma (et.al.), *The Encyclopaedia Of Islam*, 1913, vol. 1., t.c., Leiden; Late E.J. Brill Ltd., hlm. 29.

itu terpaksa bersaing hebat dengan pelbagai kepercayaan dan amalan yang berbentuk warisan juga kepercayaan mendatang, khususnya pengaruh hinduisme dan anamisma yang telah bertapak dalam masyarakat Melayu sebelum ini. Unsur-unsur ini telah mendasari sebahagian besar dari aliran-aliran kepercayaan yang muncul di Malaysia.

Kemunculan aliran-aliran kepercayaan di Malaysia seringkali dikaitkan dengan ajaran sesat⁷⁰ yang cuba menyekat perkembangan dan pertumbuhan ajaran Islam. JAKIM telah dapat mengesan beberapa ajaran atau tarikat yang menyeleweng dari landasan Islam. Antara kriteria-kriteria ajaran sesat tersebut ialah,⁷¹

- i). Kepercayaan kepada rukun iman, asas akidah yang bertentangan dan tidak selaras akidah Ahli Sunnah wal Jamaah; mempercayai ada kitab dan kiblat lain, mendakwa sebagai Rasul, memansuhkan al-Quran dan hadis.
- ii). Mempertikai dan menafikan kebenaran al-Quran dan hadis;

⁷⁰ Majlis Ulama Negara Brunei Darussalam, Republik Indonesia, Malaysia dan Republik Singapura (MABIMS) mendefinisikan ajaran sesat sebagai; *Sebarang ajaran atau amalan yang dibawa oleh orang-orang Islam atau orang-orang bukan Islam yang mendakwa bahawa ajaran dan amalan tersebut adalah ajaran Islam atau berdasarkan kepada ajaran Islam, sedangkan pada hakikatnya ajaran dan amalan yang dibawa itu bertentangan dengan ajaran Islam yang berdasarkan al-Quran dan al-Sunnah, serta bertentangan juga dengan ajaran Ahli Sunnah wal Jamaah.*

Lihat Bahagian Hal Ehwal Islam, (BAHEIS), *Kriteria-kriteria Ajaran Sesat*, 1994, cet.1, Kuala Lumpur; Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri, him. 1.

⁷¹ *Ibid*, him. 1 dan 2.

- iii). Mendiayah diri sendiri atau ketua sebagai nabi terakhir, Nabi Isa, Imam Mahdi atau istilah-istilah yang seumpamanya.
- iv). Kepercayaan kepada penyatuan beberapa agama terbesar di dunia sebagai agama yang sepatutnya menjadi anutan umat manusia.
- v). Pendewaan diri atau pemimpin, atau kumpulan ajaran tersebut secara bertentangan dengan akidah Ahli Sunnah wal Jamaah.
- vi). Mengadakan bidaah atau pendapat baru yang bertentangan dengan akidah dan syariat, seperti menghapuskan kewajipan berjihad, solat Jumaat, puasa bulan Ramadhan, menunaikan fardu haji di Mekah dan seumpamanya.
- vii). Mentafsir dan menghuraikan al-Quran dan hadis sesuka hati.

Penulis akan menghuraikan secara terperinci penyelewengan sebahagian dari aliran kepercayaan di atas semasa membahaskan tentang isi kandungan ajaran Qadiani dalam bab III.

Di Malaysia, dianggarkan sebanyak 60 ajaran atau tarikat yang didakwa menyeleweng dan sesat.⁷² Ajaran sesat yang paling lama di-

⁷² Lihat *Lampiran A*.

Malaysia ialah Ajaran Taslim yang dibawa oleh Mohamad bin Shafie atau Muhammad Matahari pada akhir abad ke 19 di Kg. Seronok, Bayan Lepas, Pulau Pinang.⁷³ Selain daripada itu, penulis kemukakan dua contoh dari ajaran sesat yang terdapat di Malaysia iaitu Pertubuhan Darul Arqam dan Tarekat Mufarridiah.

a). Pertubuhan Darul Arqam

Subjek ini penulis ketengahkan sebagai salah satu contoh memandangkan Darul Arqam bukan sahaja paling menonjol kewujudannya sebagai sebuah gerakan sosio-agama dan pertubuhan dakwah sepanjang tahun 90an, bahkan perkembangannya dianggap mengancam keselamatan negara.

Pertubuhan Darul Arqam atau dikenali juga Jemaah Aurad Muhammadiyah diasaskan oleh Haji Asaari bin Muhamad bersama beberapa sahabatnya pada tahun 1968.⁷⁴ Dilahirkan pada 31^{hb} Oktober 1938 di Kg. Pilin, Rembau, Negeri Sembilan.⁷⁵ Beliau merupakan bekas seorang guru agama lulusan Sekolah Menengah Hisyamuddin, Klang dan

⁷³ Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Jabatan Perdana Menteri - Halaman Internet : <http://www.islam.gov.my/sesat/BM/#1.Sejarah Ringkas>.

⁷⁴ Abdul Halim El-Muhammady, - "Al-Arqam Gerakan Memesong Akidah Umat Islam", *Penyelewengan Al-Arqam Dari Akidah Quran Dan Sunnah Mengikut Perspektif Ahl Al-Sunnah Wal Jamaah*, 1994, cet.1, Selangor; Angkatan Belia Islam Malaysia, hlm. 2.

⁷⁵ Mingguan Malaysia, 4^{hb} September 1994.

pernah aktif dalam politik Parti Islam Se Malaysia (PAS) dan Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM).

Bermula dari kelas fardhu ain di Kg. Dato' Keramat, Haji Asaari membuka sebuah perkampungan untuk ahli-ahlinya di Kg. Sg. Pencala, Damansara pada tahun 1974.⁷⁶ Antara kegiatan yang dijalankan ialah dakwah, pendidikan, pertanian, perubatan, penerbitan dan kegiatan ekonomi. Kegiatan-kegiatan tersebut mendapat sambutan sebilangan masyarakat terutama yang berminat untuk mendalami ajaran Islam tetapi telah terkeliru dan menganggap pertubuhan tersebut sebagai badan dakwah yang unggul. Dianggarkan pengikut setia Darul Arqam seramai 6,000 orang serta 15,000 orang simpati dan mempunyai cawangan hampir diseluruh negeri di Malaysia.⁷⁷

Penyelewengan Darul Arqam adalah berpuncak dari pegangan dan pengajaran Haji Asaari serta pengikut-pengikutnya terhadap Aurad Muhammadiyah. Antara penyelewengan tersebut ialah,⁷⁸

⁷⁶ Bahagian Hal Ehwal Islam (BAHEIS); *Penyelaras Terhadap Buku Aurad Muhammadiyah Pegangan Darul Arqam*, 1986, cet.1, Kuala Lumpur; Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri, hlm. 2.

⁷⁷ *Ibid*, hlm. 3.

⁷⁸ BAHEIS, *Penyelewengan Arqam Dari Ajaran Islam*, 1994, cet. 1, Edisi Kedua, Kuala Lumpur; Baheis, Jabatan Perdana Menteri, hlm. 4, 5, 6 dan 11.

- i). Mempercayai bahawa Syeikh Muhammad As-Suhaimi, pengasas Aurad Muhammadiyah tidak mati dan akan lahir sebagai Imam Mahdi.
- ii). Mempercayai bahawa Syeikh Muhammad As-Suhaimi menerima Aurad Muhammadiyah dari Rasulullah s.a.w. di dalam Kaabah secara jaga atau sedar.
- iii). Mengadakan tambahan pada lafaz syahadah dengan fakta palsu yang menyebut Syeikh Muhammad As-Suhaimi sebagai Imam Mahdi dan menyama-tarafkan beliau dengan Khulafa' al-Rasyidin.
- iv). Beramal dengan *Majlis Yaqazah'* yang didakwa turut dihadiri oleh Rasulullah s.a.w., Khulafa' al-Rasyidin dan roh ahli Arqam tertentu. Dalam majlis tersebut ahli-ahli Arqam untuk diberitahu tahap keimanan mereka serta dikenalpasti samada menjadi ahli syurga atau neraka.
- v). Mentafsir secara salah terhadap maksud ayat tiga surah An-Nisa' dengan mendakwa bahawa asal pernikahan hendaklah bermula dari dua isteri seterusnya tiga dan empat.

Sehubungan dengan itu, pada 5^{hb} Ogos 1994, Majlis Fatwa Kebangsaan telah mengeluarkan fatwa pengharaman Darul Arqam serta sebarang penerbitan pertubuhan tersebut.

b. **Tarekat Mufarridiah**

Sebahagian besar ajaran-ajaran sesat yang wujud di Malaysia bertunjangkan amalan-amalan tarekat dan seterusnya amalan-amalan tersebut diselewengkan mengikut kepentingan tertentu. Salah satu daripadanya ialah tarekat Mufarridiah yang menjadi contoh perbahasan penulis.

Tarekat Mufarridiah atau dikenali juga dengan Tarekat Syeikh Makmun mula lahir sekitar tahun 1955 atau 1956 di Tanjung Pura, Langkat, Sumatra Utara, suatu daerah tempat pengajian Islam suatu ketika dahulu.⁷⁹ Tarekat ini diasaskan oleh Syeikh Hj Makmun bin Yahya sekembalinya dari Mekah. Sebelum itu, beliau didakwa pernah tinggal di Afrika Utara dan disanalah beliau memperolehi bahan-bahan untuk menyusun tarekat tersebut.

Syeikh Hj Makmun memulakan pengajian ilmu agama dengan memasukkan ilmu-ilmu ganjil di dalamnya seperti ilmu mendapatkan kebal dan sebagainya. Apabila didapati sambutan orang ramai memuaskan, beliau menjadikan rumahnya sebagai pusat perkembangan pengaruh dan tarekatnya.

⁷⁹ H.O.K. Rahmat, "Yang Jernih dan Yang Keruh Dalam Aqidah Dan Amalan Kaum Muslimin Nusantara", *Kertas Kerja; Seminar Kajian Kebatinan*, 16 - 19^{hb} Disember 1978, hlm. 24.

Tarekat ini kemudiannya berkembang di Malaysia pada akhir tahun 1960an apabila Syeikh Hj. Makmun melawat Singapura dan Malaysia. Ianya mendapat pengaruh yang kuat di dalam masyarakat Islam di Malaysia khasnya di kalangan tentera dan polis. Sekarang ini tarekat mufarridiah terdapat hampir disetiap negeri di Malaysia. Antaranya di Johor, Selangor, Perak, Kedah, Kelantan dan Sarawak.⁸⁰

Tarekat Mufarridiah bukan sahaja mengandungi amalan-amalan malah juga terkandung kepercayaan tertentu. Antara isi kandungan ajaran tersebut ialah;⁸¹

- i). Syeikh Hj Makmun mengaku dirinya sebagai Imam Mahdi bagi orang Islam, Nabi Isa bagi orang kristian dan bapa segala manusia bagi orang tiada agama.
- ii). Mendakwa mempunyai mukjizat.
- iii). Mengemukakan malaikat Karakaz dan Karanaz. Karakaz ialah malaikat *muqarrabin* manakala karanaz ialah malaikat *muqarranin*.
- iv). Setiap dosa dan istighfar kepada Allah mesti melalui malaikat karanaz dan Syeikh Makmun bagi memastikan ianya diterima.

⁸⁰ Bahagian Penyeleidikan Islam, "Senarai Ajaran Sesat Di Malaysia 1967-1997", *Risalah*, Kuala Lumpur; Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).

⁸¹ Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), *Tarekat Mufarridiah Satu Ajaran Sesat*, 1997, cet.2, Kuala Lumpur; Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, Jabatan Perdana Menteri, him. 7-13.

- v). Syeikh Hj Makmun tidak pernah sembahyang Jumaat dan jemaah kerana beliau mendakwa bersembahyang di Masjidil Haram.

Setelah diteliti akan ajaran tarekat ini, maka Majlis Raja-raja (negeri-negeri yang mengambil bahagian sahaja) dalam mesyuaratnya yang ke 117 pada 21^{hb} Februari 1980 telah memutuskan bahawa ajaran tarekat mufarridiah adalah bertentangan dengan ajaran Islam dan orang-orang yang terlibat dengan ajaran ini hendaklah bertaubat.⁸²

Berdasarkan perbincangan di atas menunjukkan bahawa aliran-aliran kepercayaan yang menyeleweng atau lebih dikenali sebagai ajaran sesat telah berakar umbi dalam masyarakat Islam di Malaysia. Perkembangannya bertopengkan Islam telah berjaya meraih sokongan segelintir umat Islam. Keputusan menetapkan hanya ASWJ diterimapakai di Malaysia diharap dapat membendung gejala kegelinciran akidah.

Kesimpulan

Kebangkitan Islam di Malaysia mula diterima baik oleh masyarakat Islam melalui sokongan serta penyertaan mereka terhadap usaha-usaha perlaksanaan sistem Islam oleh kerajaan mahupun pertubuhan-pertubuhan agama. Namun begitu, sikap terbuka masyarakat Islam negara

⁸² *Ibid*, hlm. iv.

ini turut memberi ruang kepada pengaruh-pengaruh luar mempengaruhi persekitaran mereka.

Sejarah membuktikan, kedatangan Islam di Malaysia terpaksa melalui laluan getir bersaing dengan elemen-elemen anamisma serta hinduisme yang telah lama bertapak di dalam masyarakat Melayu. Situasi ini jauh berbeza dengan kedatangan Islam di zaman Rasulullah s.a.w yang bermula dengan proses pemurnian akidah, mencabut amalan jahiliyah hingga ke akar umbinya. Justeru, lahirlah generasi yang benar-benar mampan akidah dan keyakinan mereka. Berbanding dengan suasana di Malaysia, unsur-unsur kepercayaan nenek moyang dan peninggalan penjajah yang telah sebatи dengan masyarakat Melayu telah membuka laluan kepada perkembangan aliran-aliran kepercayaan negatif yang mencemar akidah Islam. Salah satu daripadanya yang telah berjaya menyelinap masuk ke dalam masyarakat Islam ialah ajaran Qadiani.

Di dalam bab yang seterusnya (Bab kedua dan ketiga), penulis akan membincangkan dengan terperinci berkenaan ajaran Qadiani dengan menumpukan tentang perkembangannya di Malaysia serta perkara-perkara pokok dalam ajaran tersebut.